

Bab 4: Perakaunan untuk Perkongsian

1. Perkongsian ialah perniagaan yang ditubuhkan oleh 2 hingga 20 orang dengan tujuan memperoleh keuntungan.

Ciri-ciri perkongsian termasuk:

- i. Liabiliti tidak terhad
- ii. Tertakluk pada Akta Perkongsian 1961.
- iii. Hayat perniagaan berterusan
- iv. Dikenakan cukai pendapatan perseorangan.

2. Untuk mengelakkan sebarang perselisihan antara pekongsi, perjanjian bertulis yang dikenali sebagai Perjanjian Perkongsian atau Akta Perkongsian perlu dibuat. Butir penting dalam perjanjian:

- a. nama pekongsi dan bilangan ahli
- b. nama dan alamat firma
- c. sumbangan modal pekongsi
- d. nisbah pembahagian untung/rugi
- e. gaji kepada pekongsi aktif
- f. faedah atas modal
- g. faedah atas ambilan

3. Jenis-jenis rakan kongsi:

Rakan kongsi aktif -> sumbang modal + mengurus perniagaan

Rakan kongsi lelap -> sumbang modal tetapi tidak mengurus perniagaan

Rakan kongsi nominal -> tidak sumbang modal, tidak mengurus perniagaan, tetapi membenarkan namanya digunakan dalam perniagaan

4. Jika tiada perjanjian bertulis dan berlaku perselisihan, ia akan diselesaikan mengikut Akta Perkongsian 1961:

- a. untung/rugi dibahagikan sama rata
- b. tiada gaji pekongsi
- c. faedah atas modal dan ambilan tidak dibenarkan
- d. faedah atas pinjaman sebanyak 8% akan diberi kepada pekongsi
- e. setiap pekongsi berhak menjalankan pengurusan perkongsian

5. Kesan kemasukan rakan kongsi baru:

- a. Mengubah kedudukan aset dan liabiliti
- b. Perjanjian pekongsi perlu dibuat semula.

6. Sebab milikan Tunggal berubah menjadi perkongsian:

- a. memerlukan modal yang lebih banyak
- b. memerlukan kepakaran yang tertentu.
- c. mengurangkan risiko perniagaan.

Akaun Modal

1. Setiap pekongsi mempunyai Akaun Modal sendiri kerana perniagaan dimiliki oleh lebih daripada 2 orang.

2. Catatan bergu:

Dt Akaun Bank/ Tunai

Kt Akaun Modal pekongsi

- 3. Biasanya jumlah modal pekongsi adalah tetap kecuali pekongsi membawa masuk modal tambahan (cth: kenderaan)
- 4. Sebarang pengurangan seperti ambilan tidak ditunjukkan dalam Akaun Modal.

Contoh: Pada 1 Jan 2001, Jia Wei, Chee Seong dan Xuan menubuhkan satu firma. Sumbangan modal adalah seperti berikut:

Jia Wei RM 1000, Chee Seong RM2000, Xuan RM1500. Tunjukkan catatan jurnal dan lejar.

Akaun Semasa

1. Akaun semasa dibuka untuk menunjukkan penambahan atau pengurangan.
2. Baki kredit dalam akaun ini menunjukkan keuntungan yang tidak diambil oleh pekongsi.
3. Baki debit menunjukkan pekongsi mengambil keluar lebih daripada keuntungan yang berhak diterimanya, iaitu pekongsi berhutang kepada perkongsian.
4. Catatan Akaun semasa dalam Akaun pengasingan Untung Rugi:

Jika untung: Dt. Akaun Pengasingan Untung Rugi

Kt. Akaun semasa

Jika rugi : Dt. Akaun semasa

Kt. Akaun Pengasingan Untung Rugi

5. Format:		Akaun Semasa Pekongsi	
Ambilan	X	Baki b/b	X
Faedah atas Ambilan	X	Faedah atas Modal	X
Pengasingan untung rugi (rugi)*	X	Gaji/ Elaun/ Bonus	X
Baki h/b	X	Pengasingan untung rugi (untung	X
		Fadah atas pinjaman	X
	<u>XX</u>		<u>XX</u>

Tip: 1. Jika guna Kaedah Modal Berubah, Akaun Modal dan Semasa akan campur sekali dan baki Ak. Modal akan berubah. Tiada Akaun Semasa disediakan.

2. Jika guna Kaedah Modal Tetap, baki Akaun Modal adalah tetap kecuali terdapat modal tambahan.
3. Baki normal bagi Akaun Modal dan Akaun Semasa ialah baki kredit. Ini bermakna pekongsi masih ada modal dalam perkongsian dan akan dibayar balik (perkongsian hutang kepada pekongsi).
4. Jika Akaun Modal dan Akaun Semasa mempunyai baki debit, ini bermakna pekongsi berhutang kepada perkongsian dan perlu membawa masuk tunai untuk menampung kekurangan tersebut.
5. Sebab berlaku baki debit:
 - a) Modal yang disumbangkan rendah
 - b) Ambilan terlalu banyak
 - c) Rugi realisasi melebihi baki modal
 - d) Aset yang diambil alih melebihi baki modal

Contoh: Pada 1 Jan 2029, Bobo dan Koko menyumbangkan modal RM20,000 ke dalam Akaun Bank perniagaan masing-masing. Pada 31 Dis 2029, untung bersih perniagaan ialah RM12,000. Untung rugi dibahagikan sama rata. Ambilan dibuat sepanjang tahun: Bobo RM1,500. Koko RM1,000.

Sediakan Akaun Modal dengan

- (a) Gunakan Kaedah Modal Berubah. (b) Gunakan Kaedah Modal Tetap.

Faedah atas Modal

1. Faedah atas modal dikira berdasarkan modal pekongsi.
2. Faedah atas Modal menggalakkan pekongsi melaburkan modal lebih banyak, ialah belanja perkongsian.
3. Catatan bergu: Dt. Akaun Pengasingan Untung Rugi
Kt. Akaun Semasa
(Jika dibayar dengan tunai, kredit Akaun Tunai)

Contoh: Kaka dan Haha mempunyai modal RM3000 dan RM4000. Faedah atas modal ialah 5% setahun. Tunjukkan catatan lejar.

Faedah atas Ambilan

1. Faedah atas ambilan dikenakan untuk megalakkan pekongsi membuat ambilan.
2. Faedah atas ambilan dikira dari tarikh ambilan itu dibuat sehingga tamat tempoh perakaunan.
3. Faedah atas ambilan ialah hasil perkongsian.
4. Catatan bergu: Dt. Akaun Semasa
Kt. Akaun Pengasingan Untung Rugi

Contoh: Clever telah mengambil barang sebanyak RM2000 pada 1 March 2010 dan RM3000 pada 31 July 2010, faedah atas ambilan dikenakan 10%. Akaun tutup pada 31 Jan. Kira dan rekod faedah atas ambilan dalam akaun berkenaan.

Faedah atas pinjaman

1. Faedah atas pinjaman didebitkan ke dalam Akaun Untung Rugi dan BUKAN Akaun Pengasingan Untung Rugi.
2. Jika ia tidak dinyatakan, kadarnya ialah mengikut Akta Perkongsian, iaitu 8% setahun.
3. Catatan bergu: Dt. Akaun Untung Rugi
Kt. Akaun Semasa

Contoh: Pada 1 Feb 2010, Ah Min telah memberi pinjaman sebanyak RM3000 kepada perkongsian dan Ah Han memberi pinjaman berjumlah RM5000 pada 1 June 2010. Akaun tutup pada 30 November. Kira dan rekod faedah atas pinjaman dalam akaun berkenaan.

Format: Bentuk 'T'					
Akaun Pengasingan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir...					
Faedah atas modal			Untung bersih b/b		XX
Pekongsi A	X		Faedah atas Ambilan		
Pekongsi B	X	XX	Pekongsi A	X	
Gaji pekongsi			Pekongsi B	X	XX
Pekongsi A	X		*Kongsi Rugi		
Pekongsi B	X	XX	Pekongsi A	X	
*Kongsi Untung			Pekongsi B	X	XX
Pekongsi A	X				
Pekongsi B	X	XX			
		XX			XX
Penyata Kedudukan Kewangan pada					
			<u>Ekuiti Pemilik</u>		
			Modal: Pekongsi A	XX	
			Pekongsi B	XX	XX
			Akaun Semasa: A	XX	
			B (dt)	(XX)	XX

Contoh Soalan SPM:

Chan dan Dean ialah pekongsi dalam Perkongsian Chan dan Dean. Ikatan Perkongsian mereka menyatakan bahawa:

- Setiap pekongsi terima gaji RM2,500 setiap bul: d) Faedah 10% setahun atas pinjaman pekongsi.
- Faedah 5% setahun atas modal. e) Untung atau rugi dibahagikan sama rata.
- Faedah 8% setahun atas ambilan.

Imbangan Duga pada 31 Dis 20X9

	RM	RM
Modal: Chan		35,000
Dean		35,000
Amibilan: Chan	4,000	
Dean	3,500	
Gaji	3,900	
Sewa	1,500	
Diskaun	950	700
Belanja Am	530	
Pinjaman Chan		12,000
Belian dan Jualan	41,550	64,130
Pulangan	370	480
Inventori pada 1 Jan 20X9	4,560	
Angkutan Jualan	760	
Insurans	1,900	
Akaun Semasa: Chan		16,600
Dean		21,260
Gaji Pekongsi: Chan	19,000	
Dean	21,000	
Akaun Belum Bayar		6,530
Akaun Belum Terima	9,040	
Faedah atas pinjaman	540	
Premis	45,500	
Kenderaan	23,800	
Bank	6,070	
Tunai	3,230	
	<u>191,700</u>	<u>191,700</u>

Maklumat Tambahan:

- i) Chan telah mengambil barang sebanyak RM1,000 untuk kegunaan sendiri dan tiada rekod dibuat.
- ii) Sewa sebanyak RM200 adalah prabayar.
- iii) Inventori pada 31 Dis 20X9 bernilai RM5,500.
- iv) Peruntukan susut nilai bagi kenderaan sebanyak 10% setahun disediakan.
- v) Insurans premium bagi tahun berakhir 31 Dis 20X9 ialah RM 2,200.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Dis 20X9.
- b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Dis 20X9.
- c) Akaun Semasa Pekongsi.
- d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Dis 20X9.

Pembubaran Perkongsian

1. Ia bermaksud perniagaan perkongsian ditamatkan/ dihentikan. Sebab-sebab ialah:

- | | |
|---|---|
| a) kematian, bankrap, tidak siaman salah seorang pekongsi | e) perkongsian ditukarkan ke syarikat berhad |
| b) tempoh perjanjian perkongsian telah tamat | f) perkongsian tidak mampu bayar hutang |
| c) tujuan penibuhan perkongsian telah tercapai | g) pekongsi bersetuju membubarkan perkongsian |
| d) arahan mahkamah | |

2. Langkah2 membubarkan perkongsian:

L1: Tutup semua akaun aset (jual atau diambil alih oleh pekongsi).

L2: Jelaskan semua liabiliti perniagaan.

L3: Bayar balik modal kepada pekongsi/ pekongsi membayar perkongsian megikut baki Akaun Modal dan Akaun Semasa

L4: Membatalkan nama perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

3. Akaun Realisasi akan disediakan untuk menentukan untung atau rugi realisasi aset. Tujuan ialah:

- Merekod jualan aset, ambil alih aset oleh pekongsi, kos pembubaran/ belanja realisasi, penerimaan daripada Akaun Belum Terima, diskaun diterima daripada Akaun Belum Bayar (hutang lapuk dan diskaun diberi diabaikan)
- Menghitung keuntungan/kerugian atas pembubaran
- Membahagi untung/rugi realisasi kepada setiap pekongsi mengikut nisbah untung rugi yang dipersetujui

Butiran	Debit	Kredit
1. Tutup dan pindah semua akaun aset kecuali bank dan tunai.	Akaun Realisasi	Akaun Aset
2. Penerimaan daripada jualan aset dan akaun belum terima.	Akaun Bank/Tunai	Akaun Realisasi
3. Aset diambil alih oleh pekongsi.	Akaun Modal	Akaun Realisasi
4. Liabiliti diambil alih oleh pekongsi.	Akaun Liabiliti	Akaun Modal
4. Membayar belanja realisasi.	Akaun Realisasi	Akaun Bank/Tunai
5. Menjelaskan liabiliti seperti akaun belum bayar/pinjaman.	Akaun Belum Bayar	Akaun Bank/Tunai
6. Terima diskaun daripada akaun belum bayar.	Akaun Belum Bayar	Akaun Realisasi
7. Jika dapat untung realisasi.	Akaun Realisasi	Akaun Modal
8. Jika dapat rugi realisasi.	Akaun Modal	Akaun Realisasi
9. Pindah baki Akaun Semasa ke Akaun Modal		
a) Jika Akaun Semasa berbaki kredit	Akaun Semasa	Akaun Modal
b) Jika Akaun Semasa berbaki debit	Akaun Modal	Akaun Semasa
10. Bayar balik modal pekongsi		
a) Jika berbaki kredit	Akaun Modal	Akaun Bank/Tunai
b) Jika berbaki debit	Akaun Bank/Tunai	Akaun Modal

Format Akaun Realisasi:

		Akaun Realisasi	
Premis	XX	Bank (Jualan Aset)	XX
Kenderaan	XX	Bank (Akaun Belum Terima)	XX
Stok	XX	Modal Pekongsi (Aset diambil ali	XX
Akaun Belum Terima	XX	Akaun Belum Bayar (Dis diterim	XX
Bank (Bel. Realisasi)	XX	Rugi realisasi:	
Untung realisasi:		Modal Pekongsi A	XX
Modal Pekongsi A	XX	Modal Pekongsi B	XX
Modal Pekongsi B	XX		
			XX

Contoh Soalan SPM:

Vivian dan BeeBee yang berkongsi sama rata telah bersetuju membubarkan perkongsian pada 31 Oktober 20X9.

Anda dikehendaki:

- Menyediakan catatan Jurnal Am.
- Merekodkan urus niaga pembubaran dan menutupkan semua akaun dalam lejar.

Maklumat berikut adalah baki-baki akaun.

	RM	RM
Lengkapan	9,800	
Kenderaan	18,500	
Inventori	6,530	
Akaun Belum Terima	8,920	
Akaun Belum Bayar		4,780
Bank	5,310	
Akaun Modal: Vivian		23,100
BeeBee		15,300
Akaun Semasa: Vivian	1,530	
BeeBee		2,080

Maklumat tambahan:

- i) Vivian bersetuju mengambil alih kenderaan dengan nilai RM16,000.
- ii) Lengkapan dan Inventori telah dijual secara tunai RM14,500.
- iii) Pelanggan telah membayar hutang sebanyak RM 8,210.
- iv) Semua hutang perniagaan telah dijelaskan dengan bayaran RM4,580.
- v) Belanja realisasi RM940 telah dibayar.
- vi) Semua urusan niaga pembubaran telah selesai pada 31 Oktober 20X9.